

ANDALAH WIRA NEGARA



BAYARAN BALIK EFT

Apakah Electronic Fund Transfer (EFT) ?

Satu kaedah bayaran balik lebih cukai/duti dengan cara mengkredit terus ke akaun bank pembayar cukai secara elektronik

Kenapa Wujud Bayaran Balik ?

- Lebih kredit iaitu bayaran cukai melebihi jumlah cukai kena bayar atau cukai dikurangkan
- Bayaran balik dividen di bawah Seksyen 110 Akta Cukai Pendapatan 1967
- Lebih bayaran duti setem akibat pembatalan, pengurangan atau pengecualian taksiran

Makluman Penting

- Isi nama, nombor akaun bank dan nombor pengenalan yang betul di Borang Nyata Cukai Pendapatan / Borang Permohonan Bayaran Balik Duti Setem
- Pastikan nombor akaun bank dan nombor pengenalan adalah betul dan sama dengan maklumat di akaun bank pembayar cukai
- Pastikan akaun bank yang dilaporkan adalah akaun individu. (Pembayaran melalui akaun bersama tidak dibenarkan bagi kes bayaran balik selain duti setem)

Surat Pemberitahuan Melalui Pos atau emel Dikeluarkan Di Situasi Berikut :

- Semasa arahan bayaran dikemukakan kepada bank
- Apabila bayaran gagal dikreditkan ke akaun bank penerima

Apakah Kelebihan EFT ?

- Cepat kerana bayaran balik dikreditkan terus ke dalam akaun bank pembayar cukai
- Selamat kerana nombor akaun bank dan nombor pengenalan pembayar cukai (2 kunci autentikasi) disemak sebelum bayaran dikreditkan oleh pihak bank
- Tidak berlaku kehilangan cek atau terlupa menandatangani cek ke bank

Senarai Nombor Pengenalan

- Nombor Kad Pengenalan Baru
- Nombor Tentera/Nombor Polis
- Nombor Pendaftaran Syarikat
- Nombor Pasport

Bank Yang Terlibat Dengan EFT

Bank-bank perdagangan yang ditubuhkan di Malaysia dan menjadi ahli MyClear IBG

Bantuan EFT

- Hubungi:
 - o Talian Khidmat Pelanggan **1-800-88-5436 (LHDN)**
 - o Panggilan dari luar negara **603-7713 6666**
- Hadir ke cawangan LHDNM yang berdekatan

HASIL Teman Keceriaan Anda

2013

[www.facebook.com/
Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri](http://www.facebook.com/Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri)



www.twitter.com/LHDNM



www.hasil.gov.my
1-800-88-5436 (LHDN)